

D221

U B413 AAB  
KABINET-MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 11 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KABINET BARUNYA AKAN MEMBERI PERHATIAN UTAMA KE ARAH MEMULIHKAN KEADAAN EKONOMI NEGARA.

KATANYA DUA MASALAH UTAMA YANG AKAN DIBERI PENEKANAN IALAH PENGANGGURAN DAN PELABURAN.

MENGENAI HARGA KOMODITI, PERDANA MENTERI BERKATA IA ADALAH DI LUAR KAWALAN KERAJAAN DAN BELIAU MENJANGKA HARGA BARANGAN UTAMA NEGARA INI AKAN TERUS PADA PARAS RENDAH SELAGI ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU MEMANUPULASIKAN HARGA PADA PASARAN ANTARABANGSA.

OLEH ITU KERAJAAN TERPAKSA MENEROKAI BIDANG-BIDANG LAIN UNTUK MENGUKUHKAN EKONOMI NEGARA, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGUMUMKAN SUSUNAN KABINETNYA DI BILIK MESYUARAT PERDANA JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SALAH SATU USAHA KERAJAAN BAGI MENGURANGKAN BEBANAN PERBELANJAAN NEGARA IALAH DENGAN MENSWASTAKAN BEBERAPA AGENSI KERAJAAN TERMASUKLAH JABATAN TELEKOM. -- LAGI.  
1608MST 11 08 86

D222

U B414 AAB  
KABINET-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA INI BUKAN BERMAKNA KERAJAAN AKAN MENGURANGKAN BILANGAN KAKITANGANNYA MELALUI PEMBUANGAN KERJA.

+KITA TAK BUANG ORANG, CUMA KITA TIDAK MENGAMBIL KAKITANGAN BARU,+ TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBUAT SEBARANG PERUBAHAN BESAR PADA DASAR-DASAR YANG SEDIA ADA.

KATANYA SEMUA DASAR YANG SEDANG DILAKSANAKAN AKAN DITERUSKAN KERANA DASAR-DASAR ITU DITERIMA OLEH RAKYAT DAN ITULAH SEBABNYA MEREKA MEMBERI MANDAT BARU KEPADA BARISAN NASIONAL.

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK ADA SEBAB MENGAPA DASAR-DASAR ITU PERLU DIUBAH SEMATA-MATA KERANA LEBIH RAMAI ANGGOTA PEMBANGKANG TERPILIH PADA PILIHAN RAYA UMUM LEPAS. -- LAGI.  
1609MST 11 08 86

D228

U B420 AAB  
KABINET-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

MENYENTUH TENTANG KOMPOSISI KABINET BARU, BELIAU BERKATA PEMILIHAN ANGGOTA-ANGGOTA KABINET BUKAN BERDASARKAN KEPADA KELAYAKAN MEREKA TETAPI ATAS PENERIMAAN RAKYAT, PENGALAMAN, KEBOLEHAN POLITIK DAN KEPENTINGAN NEGARA.

MENURUT PERDANA MENTERI, BELIAU BERUNDING TERLEBIH DAHULU DENGAN TIMBALANNYA DAN PUCUK PIMPINAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SEBELUM MEMUTUSKAN SENARAI KABINET ITU.

RUNDINGAN ITU UNTUK MEMASTIKAN MEREKA YANG TERPILIH SESUAI DAN BERUPAYA MENJALANKAN TUGAS.

KATANYA TIDAK ADA FORMULA TERTENTU DALAM PEMILIHAN ANGGOTA KABINET DAN PADA UMUMNYA MENGIKUT TRADISI.

+KITA ADALAH ORANG-ORANG YANG KONSERVATIF. KITA TIDAK PERCAYA KEPADA CARA RADIKAL DAN KITA TIDAK BUAT PERUBAHAN SEMATA-MATA MENGIKUT CARA RADIKAL,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1619MST 11 08 86

D230

U B421 AAB  
KABINET-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R R R

MENJAWAB SATU PERTANYAAN, PERDANA MENTERI BERKATA ANGGOTA KABINET MALAYSIA SEMUANYA DINAMIS CUMA SESETENGAH GOLONGAN YANG BERKEPENTINGAN SENDIRI CUBA MENGGAMBARAKAN SEBALIKNYA.

BELIAU BERKATA BAHAWA MENURUT ROMBAKAN ITU, UMNO DIBERI 14 JAWATAN MENTERI, 14 TIMBALAN MENTERI DAN LIMA SETIAUSAHA PARLIMEN.

MCA (TIGA MENTERI, ENAM TIMBALAN MENTERI DAN SATU SETIAUSAHA PARLIMEN), MIC (SATU MENTERI DAN DUA TIMBALAN MENTERI), GERAKAN (SATU MENTERI, SATU TIMBALAN MENTERI DAN SATU SETIAUSAHA PARLIMEN), PBB (SATU MENTERI DAN DUA TIMBALAN MENTERI), SUPP (SATU MENTERI DAN DUA SETIAUSAHA PARLIMEN), PBDS (SATU MENTERI), SNAP (SATU TIMBALAN MENTERI) DAN PBS (SATU MENTERI DAN SATU TIMBALAN MENTERI).

KATANYA JAWATAN UNTUK USNO MASIH DIRUNDINGKAN.

KETIKA DITANYA SEBAB-SEBAB MCA MENDAPAT SATU KERUSI KURANG PADA KALI INI DAN SAMA ADA IA ADA KAITAN DENGAN KES MAHKAMAH PRESIDEN MCA ENCIK TAN KOON SWAN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU ENGGAN MENGULASNYA +TETAPI PIHAK AKHBAR BOLEHLAH BUAT SPEKULASI.+ -- LAGI.  
1623MST 11 08 86

D231

U B422 AAB  
KABINET-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR R R R

KEPADA SATU LAGI PERTANYAAN MENGAPA ENCIK GHAFAR DIBERI TIGA PORTFOLIO, DATUK SERI DR MAHATHIR SAMBIL BERSELOROH BERKATA: +MUNGKIN BELIAU MEMPUNYAI BANYAK TENAGA+.

BELIAU JUGA BERKATA PERLANTIKAN DATUK RAIS YATIM SEBAGAI MENTERI LUAR TIDAK MENGGAMBARAKAN BAHAWA MALAYSIA AKAN MELAKUKAN PERUBAHAN TERHADAP DASAR LUARNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PARLIMEN BOLEH BERSIDANG PADA BILA-BILA MASA DARI SEKARANG HINGGA NOVEMBER TETAPI SATU PERSIDANGAN KHAS MUNGKIN DIPANGGIL UNTUK UPACARA MENGANGKAT SUMPAH OLEH ANGGOTA-ANGGOTA BARU.

KATANYA MESYUARAT PERTAMA KABINET BARU AKAN DIADAKAN KHAMIS INI.  
-- BERNAMA.

1624MST 11 08 86